

Pendekatan Pengeksplisitan dan Pengimplisitan dalam Penterjemahan *Ijaz* dan *Itnab* al-Quran kepada Bahasa Melayu

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 233-247
 © The Author(s) 2023
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 19 March 2023
 Accepted: 9 April 2023
 Published: 29 Mei 2023

[The Explicitation and Implicitation Approaches in The Translation of *Ijaz* and *Itnab* al-Quran into The Malay Language]

Mukhlis Rosli¹, Nasimah Abdullah² & Lubna Abd Rahman^{3*}

¹ Fakulti Pendidikan Sains Sosial, Universiti Selangor, 45600 Bestari Jaya, Selangor, MALAYSIA.

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

³ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

*Corresponding Author: mukhlis@unisel.edu.my

Abstrak

Pemindahan makna implisit dan eksplisit mendorong pembentukan strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan. Pengeksplisitan dan pengimplisitan mempunyai perkaitan dengan konsep ilmu balaghah Arab iaitu gaya bahasa *ijaz* dan *itnab*. Gaya bahasa *ijaz* yang bercirikan pengguguran kata berbentuk elipsis perlu diberikan penumpuan bagi memastikan makna sebenar dapat disampaikan kepada pembaca. Manakala gaya bahasa *itnab* yang bercirikan penambahan kata mencetuskan cabaran dalam mencari padanan luaran yang tidak menambah makna. Penterjemah dalam kebanyakan situasi gagal menjelaskan makna elipsis dengan baik dan sebahagiannya pula menggunakan keterangan berlebihan yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Oleh demikian, kajian ini menyasarkan untuk menganalisis pendekatan penterjemah dalam memindahkan gaya bahasa *ijaz* dan *itnab* yang bercirikan makna implisit dan eksplisit. Data kajian terdiri daripada gaya bahasa *ijaz* dan *itnab* yang terdapat di dalam al-Quran dengan berpandukan kitab karangan al-Sayyid al-Husaini serta enam rujukan utama balaghah yang lain sebagai sumber sokongan data. Kerangka analisis telah memanfaatkan konsep pengeksplisitan oleh Vinay dan Darbelnet serta teknik penambahan *Nida* berhubung kategori *implification from implicit to explicit status* (perincian implisit kepada eksplisit). Dapatan kajian memperlihatkan gaya bahasa *ijaz* yang bercirikan ungkapan ringkas mencatatkan teknik pengeksplisitan mempunyai kekerapan kejadian yang lebih tinggi semasa pemindahan gaya bahasa ini. Sebaliknya gaya bahasa *itnab* pula menunjukkan sebahagian besar data merupakan terjemahan yang bukan bercirikan pengeksplisitan dan pengimplisitan, di mana penterjemah tidak mempraktikkan sebarang teknik penambahan atau pengurangan dalam memindahkan ciri bahasa sumber. Hasil kajian memberi beberapa panduan asas antaranya penterjemah perlu mengelak daripada sebarang penambahan atau pengurangan leksikal yang boleh mengundang makna baharu dan penterjemah juga perlu berhati-hati daripada mengulangi kata atau makna yang sama.

Kata kunci: Pengeksplisitan dan pengimplisitan; implisit dan eksplisit; pendekatan terjemahan; gaya bahasa balaghah; terjemahan al-Quran.

Abstract

The explicitation and implicitation strategies are driven by the transmission of implicit and explicit meaning to the target text. The explicitation and implicitation are related to the concept of Arabic Rhetoric which is the language style of *ījāz* and *itnab*. The *ijaz* style, which is characterized by the

form of ellipsis should be emphasized to ensure the true meaning can be communicated to the reader. On the other hand, the *itnab* style, which is characterized by the addition of lexical items, creates challenges for the translator in finding matching words that do not add new meanings. Translators, in most situations, fail to explain the meaning of ellipsis well and sometimes use excessive words, which can cause distractions to the reader. Therefore, this study aims to analyze the translator's approach of transferring the *ijaz* and *itnab* language styles that are characterized by implicit and explicit meaning. The data of the study consists of the Quranic *ijaz* and *itnab* language styles as indicated in al-Sayyid al-Husaini and supported by six other reference books on Arabic rhetoric. The analytical framework has utilized the notion of explication by Vinay and Darbelnet as well as Nida's addition technique in relation to the category from implicit to explicit status. The findings revealed that the technique of explication has a higher frequency of usage when transferring the *ijaz* language style as it is characterized by brevity. On the other hand, *itnab* language styles demonstrate that most translations are not applying explication and implication, as the translator does not practice any technique of addition or subtraction in transferring the characteristics of the source language. The study provides some guidelines for translators, such as they should avoid adding or subtracting lexical items that may lead to new meanings, as well as not repeating the same words or meanings.

Keywords: Explication and implicitation; implicit and explicit; translation approach; rhetorical style; al-Quran translation

Cite This Article:

Mukhlis Rosli, Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman. (2023). Pendekatan Pengeksplisitan dan Pengimplisitan dalam Penterjemahan *Ijaz* dan *Itnab* al-Quran kepada Bahasa Melayu [The Explication and Implicitation Approaches in The Translation of *Ijaz* and *Itnab* al-Quran into The Malay Language]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 233-247.

Pengenalan

Kewujudan makna implisit dan eksplisit pada struktur ayat mendorong terbentuknya strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam bidang terjemahan. Istilah *explication* pada mulanya diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1958) secara tidak langsung melalui perbandingan gender antara dua bahasa khususnya melalui pengeksplisitan kata ganti nama diri (*explication of pronouns*). Mereka berdua memperkenalkan pengeksplisitan sebagai salah satu strategi dalam menangani cabaran penterjemahan.

Idea pengeksplisitan ini kemudiannya dikembangkan semula oleh Nida (1964) tanpa menggunakan istilah “*explication*”. Nida (1964: 226-231) memperkenalkan tiga teknik penyesuaian (*adjustment*) yang terlibat semasa proses penterjemahan, iaitu *additions* (penambahan), *subtractions* (pengguguran) dan *alterations* (pindaan). Bentuk pengeksplisitan adalah cenderung kepada jenis pertama, iaitu teknik penambahan.

Nida membahagikan teknik penambahan kepada sembilan pecahan; *filling out elliptical expressions* (memperjelaskan ekspresi elipsis), *obligatory specification* (spesifikasi wajib), *additions required because of grammatical restructuring* (penstrukturkan semula tatabahasa), *amplification from implicit to explicit status* (perincian implisit kepada eksplisit), *answers to rhetorical questions* (respons terhadap persoalan retorik), *classifiers* (pengklasifikasi), *connectives* (penghubung), *categories of receptor language which do not exist in the source language* (bentuk bahasa penerima yang tidak terdapat dalam bahasa sumber) dan *doublets* (persamaan semantik).

Nida menyentuh soal pengeksplisitan terutamanya pada bahagian keempat, iaitu *amplification from implicit to explicit status*. Walau bagaimanapun, contoh dan perbincangan *Nida* sering menjurus kepada terjemahan Bible. Justeru Krüger (2014: 159) merumuskan bahawa perbincangan *Nida* hanya tertumpu kepada sebahagian besar makna implisit dalam teks sumber dan bukannya kepada makna eksplisit. Selepas kajian *Nida* (1964) dan Vinay dan Darbelnet (1958), bidang pengeksplisitan mula mendapat perhatian yang besar dalam kalangan sarjana penterjemah (Baumgarten et al. 2008: 182).

Di Malaysia banyak kajian telah dijalankan berhubung aspek bahasa Arab (Ashinida Aladdin 2017: 292). Tinjauan literatur bidang terjemahan retorik Arab menunjukkan antara kajian lepas yang menyentuh perihal ilmu *ma’ānī* menerusi gaya bahasa *ījāz* dan *iṭnāb* ialah kajian figura retorik *ījāz* dan *iṭnāb* dalam Surah al-Kahf (Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah 2019), kepentingan balaghah al-*iṭnāb* dalam al-Quran (Roslan Ab Rahman et al. 2017), *al-ījāz*, *al-iṭnāb* dan *al-musawāh* dalam hadith 40 (Muhamad Mujahidin Rosli & Md. Nor Abdullah, 2014) dan *Qur’anic brevity and verbosity* (Mazlan Ibrahim et al. 2014). Kajian sebegini dan seumpamanya lebih memfokuskan kemampuan gaya bahasa retorik dalam ilmu balaghah berbanding dengan potensi sebenar pemindahan struktur *ījāz* dan *iṭnāb* dalam teks terjemahan.

Sungguhpun perkara ini perlu diberikan penekanan, namun kajian gaya bahasa *iṭnāb* kurang dibincangkan dan masih asing dalam kalangan masyarakat amnya (Roslan Ab Rahman et al. 2017: 22). Gaya bahasa *ījāz* dan *iṭnāb* sering kali terdapat dalam al-Quran (al-Sayyid al-Husaini 2007) dan mengandungi pelbagai bentuk pentafsiran serta makna retoriknya yang luas (Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah 2019: 59). Namun, kajian mengenai terjemahannya dalam bahasa Melayu kurang mendapat perhatian sewajarnya.

Gaya bahasa *ījāz* yang melibatkan pengguguran kata berbentuk elipsis sewajarnya perlu diberikan penumpuan bagi memastikan makna sebenar dapat disampaikan kepada pembaca (Azman Che Mat 2018: 224). Kajian Sharifabad (2015: 80) menunjukkan bahawa penterjemah dalam kebanyakan situasi gagal untuk menjelaskan makna elipsis dengan baik. Berlawanan dengan gaya bahasa *ījāz*, gaya bahasa *iṭnāb* pula bercirikan penambahan kata (Hassan Abbas 2004; Lashin 2002) yang mencetuskan cabaran besar kepada penterjemah untuk mencari padanan luaran yang tidak menambah makna (Azman Che Mat 2018: 224).

Berdasarkan perkara tersebut, kajian ini menyasarkan untuk menganalisis pendekatan penterjemah dalam pemindahan gaya bahasa *ījāz* dan *iṭnāb* yang bercirikan makna implisit dan eksplisit. Corak pemindahan ini perlu diselaraskan demi memastikan setiap makna implisit dan eksplisit dapat disampaikan secara seimbang kepada pembaca. Tindakan ini mampu meminimumkan kecenderungan penterjemah dalam memindahkan makna elipsis bahasa sumber kepada bahasa Sasaran (Raoufkazemi et al. 2020: 154).

Bentuk Implisit dan Eksplisit

Secara terminologinya, implisit menurut Murtisari (2013: 316) membawa makna suatu yang berbentuk *indirect accessibility*, iaitu hasil daripada kesimpulan sesuatu bahagian yang lain. Pengertiannya yang merujuk pemerolehan secara tidak langsung adalah berlawanan dengan pengertian eksplisit yang berkisar kepada keboleh kelihatan, keboleh fahaman dan keboleh

rujukan terhadap sesuatu pengungkapan. Maksud umum perkataan “implisit” dan “eksplisit” ini kemudiannya telah diterima guna sebagai satu konsep khusus dalam bidang ilmu linguistik. Becher (2010: 2-3) mengutarakan definisi makna implisit dan eksplisit secara menyeluruh, iaitu:

“Implicitness is the non-verbalization of information that the addressee might be able to infer.

Explicitness is the verbalization of information that the addressee might be able to infer if it were not verbalized.”

Istilah “*information*” yang digunakan Becher (2010) dalam definisinya merujuk makna yang luas merangkumi bentuk sintaksis, semantik, pragmatik dan fonetik. Definisi tersebut menjelaskan bahawa makna implisit ialah maklumat yang tidak dinyatakan dalam teks tetapi pembaca berkemungkinan boleh membuat kesimpulan daripadanya. Makna eksplisit pula ialah maklumat yang sekalipun tidak dinyatakan, pembaca sudah boleh membuat kesimpulan daripadanya.

Manakala pengeksplisitan pula merupakan teknik terjemahan yang menjadikan makna lebih eksplisit daripada makna implisit yang terdapat dalam bahasa sumber. Sebaliknya pengimplisitan merupakan teknik terjemahan daripada makna eksplisit dalam bahasa sumber kepada makna implisit dalam bahasa sasaran. Kedua-dua teknik pengeksplisitan dan pengimplisitan ini adalah bergantung kepada konteks dan situasi dalam menyampaikan makna (Vinay & Darbelnet 1995).

Umumnya, teks yang sarat dengan penggunaan elemen estetik akan menimbulkan kesukaran yang lebih jelas berbanding dengan teks yang bercirikan maklumat semata-mata (De Pedro 1999: 552). Fenomena ini lebih menyerlah apabila melibatkan linguistik al-Quran yang berlatarbelakangkan variasi makna implisit atau elipsis (Abdul Ghafour et al. 2019; Mohammad Akbar 2017).

Cabarannya termasuklah gaya bahasa *ījāz* yang menggunakan lafaz sedikit dengan makna yang padat (Hassan Abbas 2004: 472). Contohnya, lafaz *hayāh* dalam ayat (ولكم) (فِي الْقَصَاصِ حَيَاةً) (Surah al-Baqarah 2: 179) boleh membawa pengertian yang luas termasuklah makna kedamaian, keamanan, kestabilan diri, masyarakat dan negara (al-Hashimi 1999). Sementara gaya bahasa *ītnāb* pula bercirikan penambahan lafaz terhadap makna seperti *penambahan* (*selepas ayat* “*يَأْمُرُونَ إِلَى الْخَيْرِ*” *بِدْعَوْنَ بِالْمَعْرُوفِ*“) (Surah Ali 'Imran 3: 104) yang kedua-duanya mempunyai makna yang hampir sama iaitu suruhan melakukan kebaikan (Hassan Abbas 2004).

Maklumat tersebut yang tidak mempunyai bentuk atau tidak dinyatakan secara jelas berkenaan implisit dan eksplisit ini menuntut pemerhatian pembaca dalam memahami seluruh isi teks dan beberapa elemen yang bersangkutan dengannya termasuklah dari segi sosiobudaya, struktur dan corak bahasa yang dipersembahkan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan bentuk analisis kandungan. Justifikasi reka bentuk kualitatif disebabkan bentuk kajian yang menyasarkan untuk memahami secara mendalam berhubung corak pemindahan implisit dan eksplisit. Pemilihan bentuk analisis kandungan pula disebabkan skop utama kajian yang berkisar tentang analisis dua versi terjemahan al-Quran.

Teks kajian terdiri daripada teks bahasa sumber dan teks bahasa Sasaran. Teks bahasa sumber kajian ialah teks Arab al-Quran al-Karim Mashaf Uthmani. Manakala teks bahasa Sasaran terdiri daripada dua buah teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu. Maklumat mengenai kedua-dua teks terjemahan adalah seperti berikut:

Jadual 1. Teks bahasa Sasaran

Perkara	Terjemahan (1) Kajian	Terjemahan (2) Kajian
Versi Terjemahan	Terjemahan al-Kamil	Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu
Penerbitan	Telaga Biru Sdn. Bhd.	al-Hidayah House of Qur'an Sdn. Bhd.
Cetakan	Cetakan 2019	Cetakan 2019
Sidang	Penterjemah:	Ahli Lajnah:
Penterjemah dan Penyemak	1. Dr. Muhammad Fauzi Yusuf 2. Dr. Mohd. Azrul Azlen Abd Hamid 3. Marzidah Hashim 4. NorAsmazura Muhammad 5. Raja Munirah Raja Sulaiman Panel Penyemak Luar: 6. Prof. Madya Dr. Haji Abdul Rauf ssHaji Hassan 7. Prof Madya Dr. Haji Mohammad Seman 8. Dr. Mohd. Zaki Abdul Rahman 9. Dr. Wan Hassan Wan Mat 10. Dr. Mat Taib Pa	1. Dr. Mohd Puzhi Usop 2. Dr. Maheram Ahmad 3. Dr. Mohd Khairul Nizam Zainan ss Nazri 4. Dr. Muhammad Sabri Sahrir 5. Nor Hasanuddin H.M. Fauzi 6. Hakim Zainal 7. Nor Syahida Ahmad 8. Mohd Bakri Aziz 9. Noraine Abu 10. Ramji Rabi

Dalam kajian ini, versi “Terjemahan al-Kamil” disebut dan diringkaskan kepada versi terjemahan satu atau Terjemahan al-Kamil. Manakala versi “Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu” disebut dan diringkaskan kepada versi terjemahan dua atau Terjemahan al-Hidayah. Versi terjemahan al-Kamil dan terjemahan al-Hidayah telah

dicetak pada tahun yang sama, iaitu pada tahun 2019. Kedua-dua karya terjemahan ini telah disempurnakan secara kolektif menerusi penglibatan sejumlah ahli akademik daripada pelbagai institusi. Malah bilangan ahli jawatankuasa penterjemah dan penyemak masing-masing juga ialah sama iaitu sepuluh orang pakar. Berdasarkan kriteria tersebut, versi terjemahan yang dipilih dalam kajian ini merupakan terjemahan berkualiti dan bersifat kontemporari yang sewajarnya menjadi bahan rujukan bagi para pengkaji khususnya dalam lapangan terjemahan al-Quran bahasa Melayu.

Data kajian terdiri daripada gaya bahasa *ījāz* dan *iṭnāb* yang terdapat di dalam al-Quran dengan berpandukan kitab “*Asālīb al-ma’ānī fī al-Qur’ān al-karīm*” karangan al-Sayyid al-Husaini (2007). Justifikasi penetapannya sebagai sumber data kajian kerana kandungannya yang hanya membataskan kepada wacana al-Quran dengan tidak memasukkan elemen selainnya seperti syair, prosa atau puisi Arab. Bentuk pensampelan *probabiliti (probability sampling)* dengan menggunakan kaedah pensampelan berkelompok (*cluster sampling*) telah digunakan dalam pemilihan data. Kajian ini menetapkan sebanyak enam kitab rujukan balaghah sebagai sumber sokongan data: al-Hashimi (1999), al-Jarim dan Amin (1999), Lashin (2002), Hassan Abbas (2004), Fayud (1998) dan al-Maydani (1996). Faktor pemilihan enam rujukan tersebut lantaran gaya persembahannya yang tersusun dan pengkategorianya yang hampir sama antara satu sama lain.

Hasil saringan mendapat terdapat lima puluh empat (54) data *ījāz* dan tiga puluh (30) data *iṭnāb* yang mempunyai sokongan dalam enam rujukan balaghah kajian. Data ini akan dianalisis dengan merujuk teks bahasa sumber dan teks bahasa sasaran. Kedua-dua versi terjemahan akan dibandingkan bagi menunjukkan pendekatan masing-masing dalam memindahkan makna implisit dan eksplisit.

Kerangka analisis kajian berpandukan pengertian pengeksplisitan dan pengimplisitan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) serta pembahagian Nida (1964) berhubung kategori *implification from implicit to explicit status* (perincian implisit kepada eksplisit). Analisis ini hanya memfokuskan kepada gaya bahasa *ījāz* dan gaya bahasa *iṭnāb* tanpa menyentuh elemen balaghah yang bersangkutan dengannya termasuklah gaya bahasa *musawāh* (ungkapan setara). Bahagian analisis juga disertakan bersama terjemahan per kata atau *back-translation* dengan merujuk korpus bahasa sasaran sebagai langkah menyampaikan maksud ayat secara literal. Kaedah ini dapat membantu pembaca terutamanya yang kurang berkebolehan dalam memahami teks sumber.

Kesimpulan metodologi kajian menghubungkan dua skop besar iaitu linguistik terjemahan dan ilmu balaghah Arab termasuklah pentafsiran al-Quran. Berkenaan bidang balaghah, tujuh buah kitab penting dalam ilmu balaghah telah digunakan bagi tujuan memperolehi data yang benar-benar mencerminkan gaya bahasa *ījāz* dan *iṭnāb*. Setelah ditentukan kepastian data, maka analisis leksikal atau struktur ayat yang berkait dengan fokus kajian akan dijalankan. Dari aspek analisis penterjemahan pula, kajian menggunakan beberapa teori di samping kaedah tertentu seperti analisis perbandingan versi terjemahan dan teknik terjemahan perkata. Keseluruhan metodologi ini menggambarkan bagaimana kajian ini dilakukan dengan teliti dan berperingkat sebelum sesuatu dapat dihasilkan.

Dapatan

Dapatan kajian ini memaparkan pendekatan yang diambil oleh kedua-dua versi terjemahan dalam memindahkan makna implisit *ījāz* dan makna eksplisit *iṭnāb*. Berikut merupakan sebahagian contoh daripada analisis makna implisit (*ījāz*) dan analisis makna eksplisit (*iṭnāb*).

Pemindahan Bentuk Implisit (*ījāz*)

وَلَوْ تَرَى إِذْ فَزَعُوا
(Surah *Sabā'* 34: 51)

T.1 Versi Terjemahan al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan al-Hidayah
Dan (<u>langkah ngerinya</u>) jika engkau melihat (keadaan orang yang berdosa itu) ketika mereka ketakutan.	Dan (<u>langkah mengerikan</u>) sekiranya engkau melihat mereka (orang kafir) ketika terperanjat ketakutan.

وَلَوْ تَرَى إِذْ الْمُجْرُمُونَ نَاكِشُوا رُءُوسِهِمْ عَنْ رَبِّهِمْ
(Surah *al-Sajdah* 32: 12)

T.1 Versi Terjemahan al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan al-Hidayah
(Alangkah ngerinya) sekiranya engkau melihat ketika orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka.	Dan (<u>langkah ngerinya</u>), jika sekiranya kamu melihat orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhannya.

وَلَوْ تَرَى إِذْ قُفُوا عَلَى النَّارِ فَقَالُوا يَا يَتَّبَعُنَا نُرُدُّ وَلَا نُكَدِّبُ بِأَيْتَ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ
(Surah *al-An'aām* 6: 27)

T.1 Versi Terjemahan al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan al-Hidayah
Dan jika engkau melihat ketika mereka dihadapkan ke neraka lalu mereka berkata: Wahai kiranya kami dikembalikan ke dunia, pasti kami tidak akan mendustakan lagi ayat-ayat Tuhan kami serta kami akan menjadi orang yang beriman."	Dan jika kamu (Muhammad) melihat mereka ketika dihadapkan ke neraka, lalu mereka berkata: "Kiranya kami dikembalikan (semula ke dunia) dan kami tidak akan mendustakan ayat-ayat Tuhan kami, serta kami menjadi orang yang beriman (tentulah kamu melihat suatu peristiwa yang mengharukan). "

Ketiga-tiga ayat ini secara umumnya menyatakan bahawa kiranya Nabi Muhammad SAW menyaksikan nasib orang kafir pada hari kiamat kelak, maka sudah tentu ianya suatu peristiwa yang menggerunkan. Walau bagaimanapun, *jawāb sharṭ* bagi kata “لوترى” dalam ketiga-tiga ayat tersebut tidak dinyatakan secara jelas. Oleh demikian, ketiga-tiga ayat ini bercirikan makna implisit gaya bahasa *ijāz* yang melibatkan pengguguran *jawāb sharṭ*, iaitu “رأيت أمراً فظيعاً / عجباً” (*kamu akan melihat sesuatu yang menggerunkan / menghairangkan*) (Abu Hayyan 1993; al-Alusi 1994; al-Jarim & Amin 1999; al-Maydani 1996; al-Sayyid al-Husaini 2007; al-Zamakhsyari 2009; Ibn A’syur 1984; Fayud 1998).

Ayat pada data pertama dan kedua memperlihatkan versi terjemahan masing-masing melakukan penambahan yang hampir sama dengan memasukkan frasa berbentuk *jawāb sharṭ*, iaitu “*alangkah ngerinya / mengerikan*” pada permulaan teks bahasa sasaran. Penambahan ini bertujuan untuk menyesuaikan teks terjemahan dengan makna yang digugurkan dalam teks sumber iaitu “رأيت أمراً فظيعاً / عجباً”.

Frasa “*alangkah ngerinya*” tergolong sebagai kata sifat perasaan yang menerangkan kata kerja, iaitu kata “*melihat*” dalam ayat. Kata sifat kerja dalam bahasa Melayu boleh dimasukkan sama ada di hadapan atau di belakang perbuatan (Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1994: 193, 200). Bagi data pertama dan kedua, penterjemah memilih pemasukan kata sifat sebelum daripada kata kerja, iaitu “(*alangkah ngerinya*) jika engkau melihat”.

Ayat (*alangkah ngerinya / mengerikan*) dalam bahasa Melayu juga disebut sebagai ayat majmuk keterangan syarat yang membawa maksud “andaian” (*hypotheticality*) tentang sesuatu pelakuan (Ismail Dahaman 2016: 687). Pendepan syarat andaian atau klausa keterangan telah dilakukan dalam kedua-dua versi terjemahan (*T.1: alangkah ngerinya / T.2: alangkah mengerikan*). Malah ayat dalam kedua-dua data ini memiliki beberapa ciri persamaan yang boleh dikenal pasti termasuklah dari segi kaedah dan corak terjemahannya yang sama antara satu sama lain.

Walaupun demikian, corak penterjemahan data ketiga adalah berlainan dengan pendekatan dua data sebelumnya. Dalam data ketiga, versi terjemahan satu memilih untuk tidak mempamerkan unsur *jawāb sharṭ*, berbeza dengan versi terjemahan dua yang memasukkan “tentulah kamu melihat suatu peristiwa yang mengharukan” dalam bentuk kurungan pada penghujung ayat.

Kesimpulannya, data pertama, kedua dan ketiga dalam bahagian ini bercirikan makna *taqdīr* yang sama (رأيت أمراً فظيعاً و عجباً) (al-Zamakhsyari 2009). Biarpun demikian, pendekatan setiap versi terjemahan dalam ketiga-tiga ayat ini adalah saling berbeza bahkan turut berbeza dalam satu versi terjemahan yang sama. Dua daripada tiga data di atas telah diterjemahkan melalui pemasukan frasa berbentuk kurungan pada permulaan ayat (+*alangkah ngerinya*), corak terjemahan ini telah dipraktikkan dalam kedua-dua versi terjemahan.

Sebaliknya pada data ketiga, kedua-dua versi terjemahan masing-masing tidak mempraktikkan pendekatan yang sama sebagaimana pendekatan yang digunakan dalam terjemahan dua data sebelumnya. Versi terjemahan pertama dalam data ketiga memutuskan untuk tidak menyertakan sebarang penambahan, manakala versi terjemahan kedua mengambil pendekatan yang berlainan daripada sebelumnya, iaitu dengan menambah pada penghujung ayat (... +*tentulah kamu melihat suatu peristiwa yang mengharukan*) dengan tidak meletakkannya pada permulaan ayat sebagaimana sebelumnya.

Perbezaan peletakan makna implisit pada awal dengan akhir ayat mengisyaratkan penekanan yang cuba dipamerkan dalam setiap versi terjemahan. Unsur yang dikedepankan bertujuan untuk memberi penegasan tentang sesuatu perkara (Nik Safiah Karim et al. 2015). Bagi data pertama dan kedua, kedua-dua versi terjemahan menekankan makna implisit dengan menonjolkannya pada awal ayat. Sementara dalam data ketiga, versi terjemahan kedua meletakkannya pada penghujung ayat manakala versi terjemahan pertama langsung tidak menzahirkan makna implisit retorik bahasa ke dalam teks terjemahan al-Quran bahasa Melayu.

Pemindahan Bentuk Eksplisit (*Itnāb*)

حافظوا على الصلوٰت وَالصَّلٰوةُ الْوُسْطَىٰ

(Surah *al-Baqarah* 2: 238)

T.1 Versi Terjemahan al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan al-Hidayah
Hendaklah kamu menjaga (segala solat fardu dengan tetap dan sempurna pada waktunya), khasnya solat wusta.	Peliharalah segala solat(mu) dan (peliharalah) solat Wusta.

Gaya bahasa *itnāb* berbentuk eksplisit dalam data ini terletak pada lafaz **الصلوات** “الصلوات” **الوسطىٰ**”. Kalimah yang merujuk makna solat asar ini telah dicakupi makna umum sebelumnya dari kalimah **الصلوات**”. Kaedah pengulangan ini bertujuan memberi penekanan dan keutamaan dalam pemeliharaan solat *wuṣṭa* (al-Alusi 1994; al-Hashimi 1999; al-Maydani 1996; al-Sayyid al-Husaini 2007; al-Zamakhsyari 2009; Hassan Abbas 2004; Fayud 1998).

Perbezaan kedua-dua versi terjemahan dapat dikesan melalui dua perkara. Pertama, versi terjemahan dua memadai dengan makna umum “*peliharalah segala solat(mu)*”. Manakala versi terjemahan satu telah menerangkan maksud secara terperinci bagi frasa **حافظوا على** “الصلوات” kepada “*segala solat fardu dengan tetap dan sempurna pada waktunya*”. Terjemahan satu telah menjadikan frasa bahasa sumber (*حافظوا على الصلوات*) digantikan dengan bentuk klausa tidak bebas dalam bahasa sasaran (*hendaklah kamu menjaga segala solat fardu +dengan tetap dan sempurna pada waktunya*). Klausa tidak bebas atau klausa kecil ini ialah klausa yang tidak boleh berdiri sendiri sebagai ayat lengkap (*dengan tetap dan sempurna pada waktunya*), tetapi perlu diletakkan bersama dengan klausa induk (*hendaklah kamu menjaga segala solat fardu*) (Nik Safiah Karim et al. 2016: 29).

Perbezaan kedua yang berkait khusus dengan gaya bahasa *itnāb* adalah pada perkataan **الصلوات الوسطىٰ**” dengan frasa sesudahnya **الصلوات**”. Versi terjemahan dua tidak memasukkan sebarang penambahan, sementara versi terjemahan satu menambah leksikal baharu (*khasnya*) berikutan ciri ayat yang mengandungi gaya bahasa *itnāb* jenis *zikr al-khāṣ ba'd al-'ām* (penyebutan makna khusus setalah makna umum).

وَوَصَّيْنَا إِلَّا إِنْسَنَ بِولَدِيهِ حَمَلَنَّهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَىٰ وَهُنِّ وَفَصْلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدَيَكُ

(Surah *Luqmān* 31: 14)

T.1 Versi Terjemahan al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan al-Hidayah
Kami telah mewajibkan manusia agar melakukan kebaikan kepada kedua-dua ibu bapanya, ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah (daripada awal waktu mengandung hingga akhir tempoh menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya adalah dalam usia dua tahun. (Maka) bersyukurlah kepada-Ku serta kepada kedua-dua ibu bapamu.	Dan kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua orang tuanya. Ibunya telah mengandungkannya dengan keadaan lemah yang bertambah-tambah dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam usia dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua orang tuamu.

Ayat di atas merupakan perintah berbuat baik kepada kedua orang ibu bapa. Pada pertengahan ayat terdapat laras bahasa *iṭnāb* pada lafaz “وَهُنَّ عَلَىٰ وَهُنْ” (وَهُنَّ عَلَىٰ وَهُنْ). Setelah perintah umum agar bersikap baik kepada kedua-dua ibu bapa, lafaz ini ditambah untuk menekankan atau mengkhususkan bentuk pengorbanan seorang ibu (al-Hashimi 1999; al-Sayyid al-Husaini 2007; Hassan Abbas 2004).


Kata “وَهُنَّ” dalam frasa “وَهُنَّ عَلَىٰ وَهُنْ” merupakan kata *maṣdar* daripada kata “وَهُنَّ” yang membawa maksud lemah atau sukar (Abu Hayyan 1993; Ibn A’syur 1984). Oleh itu, frasa ini diterjemahkan dalam versi terjemahan dua kepada “*dengan keadaan lemah yang bertambah-tambah*”. Ini berbeza dengan terjemahan satu yang merincikannya kepada “*dalam keadaan lemah (daripada awal waktu mengandung hingga akhir tempoh menyusunya)*”.

Versi terjemahan satu telah menetapkan tempoh kesukaran yang dimaksudkan dengan menyatakan “*daripada awal waktu mengandung hingga akhir tempoh menyusunya*” dalam bentuk kurungan. Meskipun demikian, maksud frasa “وَهُنَّ عَلَىٰ وَهُنْ” boleh diberikan beberapa tafsiran lain. Ada pandangan yang menyatakan bahawa tempoh kesukaran bermula daripada waktu mengandung hingga kelahiran (al-Alusi 1994) dan bukannya hingga tempoh menyusu. Demikian juga ada yang menyatakan bahawa kesukaran yang dimaksudkan adalah setiap kali bertambah berat kandungan, maka bertambahlah beban yang terpaksa dihadapi (al-Zamakhsyari 2009). Namun, secara umumnya, maksud frasa ini bersifat bebas dan tidak terikat kepada tempoh waktu tertentu sebagaimana yang dikhususkan dalam versi terjemahan satu.

Perbincangan

Kedua-dua versi terjemahan akan dibandingkan bagi menunjukkan pendekatan masing-masing dalam memindahkan gaya bahasa *ījāz* dan *iṭnāb*.

Rajah 1. Dapatan analisis berdasarkan dua versi terjemahan kajian



Ciri gaya bahasa *ijāz* yang ringkas dan berbentuk pengguguran kata menuntut kemahiran daripada penterjemah untuk menyampaikan makna yang sebenar. Berdasarkan Rajah 1, versi terjemahan satu lebih kerap memindahkan makna implisit bahasa sumber kepada makna eksplisit dalam bahasa sasaran (pengeksplisitan) berbanding versi terjemahan dua. Walau bagaimanapun jurang perbezaan antara kedua-dua versi adalah tidak begitu ketara. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua versi terjemahan adalah cenderung untuk menjadikan bentuk eksplisit dalam memindahkan gaya bahasa *ijāz*.

Dapatan menunjukkan bahawa penterjemah mempunyai kecenderungan untuk menerapkan teknik pengeksplisitan semasa memindahkan gaya bahasa *ijāz* atau bentuk elipsis ke dalam teks sasaran. Hal ini berkemungkinan kerana makna elipsis dalam tekstualiti bahasa Arab adalah bersifat lebih bebas berbanding dengan bahasa Melayu. Dengan kata lain, tatabahasa Arab bersifat lebih dinamik dan lebih terbuka untuk memungkinkan wujudnya pengertian atau tafsiran yang pelbagai (Akmal Khuzaairy Abd. Rahman 2016: 36). Dapatan ini sedikit berbeza dengan kajian Raouf Kazemi et al. (2020: 166) yang mendapati bahawa penterjemah mempunyai kecenderungan untuk membiarkan bentuk elipsis dengan nisbah satu daripada lapan data dalam teks sasaran tidak dipraktikkan teknik pengeksplisitan.

Sementara itu, gaya bahasa *itnāb* yang berbentuk huraian dan ayat yang panjang secara umumnya mempunyai potensi untuk dilakukan peringkasan. Namun data kajian menunjukkan sebaliknya apabila hanya sebahagian kecil data yang berubah daripada makna eksplisit kepada makna implisit (pengimplisitan). Versi terjemahan satu melakukan pengimplisitan sebanyak tiga peratus, manakala versi terjemahan dua sebanyak tujuh peratus.

Selebihnya atau sebahagian besar daripada data dalam kedua-dua versi terjemahan masih mengekalkan bentuk eksplisit sebagaimana yang terdapat dalam teks asal bahasa sumber. Malah, versi terjemahan dua telah mengekalkan makna eksplisit gaya bahasa *itnāb* dalam teks bahasa sasaran sebanyak 90% daripada keseluruhan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua versi terjemahan adalah cenderung untuk membiarkan atau mengekalkan makna eksplisit gaya bahasa *itnāb* ke dalam bahasa sasaran tanpa melakukan peringkasan.

Meskipun bahasa sumber bercirikan penambahan makna atau mengandungi makna eksplisit, fenomena ini tidak meninggalkan kesan ketara kepada teks bahasa sasaran. Penterjemah didapati lebih cenderung melakukan terjemahan tanpa melibatkan teknik

pengeksplisitan dan pengimplisitan. Kecenderungan ini berbeza dengan dapatan sebelumnya dalam terjemahan data *ījāz* yang didapati penterjemah lebih memihak kepada bentuk pengeksplisitan. Kajian berpandangan bahawa kecenderungan penterjemah terhadap pendekatan terjemahan yang tidak bercirikan pengeksplisitan dan pengimplisitan berkemungkinan disebabkan tahap kesetiaan (*faithfulness*) atau sikap berhati-hati yang tinggi dalam kalangan penterjemah semasa memindahkan makna implisit dan eksplisit teks al-Quran. Perkara yang sama juga turut dibangkitkan oleh Suzani (2023) menerusi kajian bahawa penterjemah lebih gemar untuk setia kepada teks sumber dan tidak melakukan sebarang penambahan yang bersesuaian dalam hasil terjemahan.

Sungguhpun demikian, kedua-dua versi terjemahan, baik terjemahan al-Kamil maupun terjemahan al-Hidayah secara umumnya telah menangani bentuk implisit dan eksplisit teks sumber dengan baik tanpa menjelaskan mesej sebenar ayat atau mengakibatkan jurang makna yang terlalu ketara. Setiap versi terjemahan mempunyai laras bahasa dan penyusunan kata masing-masing. Walau bagaimanapun, kajian berpandangan bahawa terdapat beberapa panduan yang perlu dititikberatkan berhubung penambahan atau pengurangan kata dalam sesuatu terjemahan. Secara asasnya, setiap penambahan yang dimasukkan dalam teks bahasa sasaran tidak boleh mendatangkan makna yang baharu terhadap maksud asal ayat. Pada masa yang sama juga penterjemah perlu berhati-hati daripada mengulangi kata atau makna yang sama. Langkah ini dapat mengelak daripada terjadinya ayat yang kurang gramatis dan akhirnya boleh mengganggu fokus pembaca.

Kesimpulan

Antara aspek yang wajar diberi penekanan ialah soal ketekalan penterjemah dalam memindahkan sesuatu gaya retorik. Perkara ini dibangkitkan kerana penemuan kajian menunjukkan bahawa makna implisit *jawāb al-sharṭ* dan *jawāb al-qasm* kadangkala diterjemahkan dalam bahasa sasaran dan kadangkala tidak diterjemahkan dan dikekalkan sebagai makna implisit yang tidak kelihatan.

Rumusan kajian secara keseluruhannya boleh dipecahkan kepada dua subjek analisis kajian, iaitu gaya bahasa *ījāz* dan gaya bahasa *iṭnāb*. Pertama, gaya bahasa *ījāz* yang bercirikan ungkapan ringkas dengan pengguguran kata menuntut penterjemah untuk menilai sejauh manakah keperluan pemindahan sesuatu makna implisit daripada teks sumber ke dalam teks sasaran. Berikutan bentuknya yang implisit, perolehan data mencatatkan teknik pengeksplisitan mempunyai kekerapan kejadian yang tinggi semasa memindahkan gaya bahasa ini.

Kedua, analisis dalam gaya bahasa *iṭnāb* menunjukkan bahawa sebahagian besar daripadanya merupakan terjemahan yang bukan bercirikan pengeksplisitan dan pengimplisitan, di mana penterjemah tidak mempraktikkan apa-apa teknik penambahan atau pengurangan dalam memindahkan ciri bahasa sumber. Meskipun bahasa sumber bercirikan penambahan makna atau mengandungi makna eksplisit, fenomena ini tidak meninggalkan kesan terhadap teks bahasa sasaran. Pengaruh gaya bahasa *iṭnāb* terhadap teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu dalam kajian ini adalah tidak begitu ketara dan tidak menonjol sebagaimana gaya bahasa *ījāz*.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, maka kajian ini mencadangkan mana-mana terjemahan terutamanya terjemahan yang berbentuk kolektif agar mengambil pendekatan yang

tekal dan selari dalam memindahkan sesuatu gaya bahasa dari mula hingga selesai penterjemahan. Pendekatan ini mustahak bagi menjamin tahap keyakinan pembaca mengenai karya sesebuah terjemahan yang dihasilkan.

Penggunaan tanda kurungan dalam teks terjemahan merupakan satu teknik yang sinonim dan tidak asing dalam mempersebahkan makna implisit. Berbanding tanda kurungan, kajian mencadangkan teknik terjemahan menggunakan variasi tulisan berwarna yang dapat menghilangkan rasa jemu pembaca. Kaedah ini lebih berkesan apabila berhadapan dengan teks yang sarat dengan makna implisit seperti teks al-Quran al-Karim. Di samping dapat membantu pembaca untuk membezakan makna sebenar yang terdapat dalam teks sumber dengan makna penambahan atau pentafsiran yang dimasukkan daripada penterjemah.

Rujukan

- Abdul Ghafour, Abdul-Qader, Norsimah Mat awal, Intan Safinaz Zainudin, & Ashinida Aladdin. 2019. The interplay of Qur'anic synonymy and polysemy with special reference to al-asfār and al-kutub (the books) and their English translations. *3L: Language, Linguistics, Literature* 25(1): 129–43.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1994. *Tatabahasa Dinamika: Berdasarkan Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abu Hayyan, M. Y. 1993. *al-Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīt*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah. 2019. Figura retorika al-ijaz dan al-itnab: analisis surah al-kahf. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 48–61.
- Akmal Khuzairy Abd. Rahman. 2016. Perbezaan status terjemahan al-Qur'an berbanding dengan teks asalnya dari perspektif pengkajian terjemahan moden. *Jurnal Penterjemah* (2): 19–39.
- al-Alusi, Abu Fadhl. 1994. *Rūh al-Ma'ānī fi Tafsīr al-Qur'ān al-A'zīm wa Sabu' al-Mathānī*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- Ashinida Aladdin. 2017. Mixed-method approach on motivational orientations of learning Arabic as a foreign language in Malaysia. *Akademika* 87 (1): 291–301.
- Azman Che Mat. 2018. *Ilmu al-Ma'ani dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baumgarten, Nicole, Bernd Meyer & Demet Özçetin. 2008. Explicitness in translation and interpreting: a critical review and some empirical evidence (of an elusive concept). *Across Languages and Cultures* 9(2): 177–203.
- Becher, Viktor. 2010. Abandoning the notion of translation-inherent explication: against a dogma of translation studies. *Across Languages and Cultures* 11(1): 1–28.
- Fayud, Basyuni Abd Fattah. 1998. *'Ilm al-Ma'ānī Dirāsah Balāghiah wa-Naqdiah li-Masā'il al-Ma'ānī*. Cet. ke-2. Kaherah: Muassah al-Mukhtar.
- al-Hashimi, al-Sayyid Ahmad. 1999. *Jawāhir al-Balāghah fī al-Ma'ani wa al-Bayān wa al-Bādī*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Hassan Abbas, Fadl. 2004. *al-Balāghah Funūnuha wa Afnānuha: I'lmu Ma'ānī*. Cet. ke-9. Amman: Dar al-Furqan.
- Ibn A'syur, Muhammad Tohir. 1984. *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunus: Dar al-Tunisiah.

- Ismail Dahaman. 2016. *Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Pembentukan Ayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Jarim, Ali & Mustafa Amin. 1999. al-Balāghah al-Wādīhah. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- Krüger, Ralph. 2014. From s-explicitation to t-explicitation? tracing the development of the explicitation concept. *Across Languages and Cultures* 15(2): 153–75.
- Lashin, Abdul Fattah. 2002. *al-Ma’āni Fī Daw Asalīb al-Qurān al-Karīm*. Cet. ke-4. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- al-Maydani, Abd Rahman. 1996. *al-Balāghah al-‘Arabiah Ususuhā Wa ‘Ulūmuḥā Wa Funūnuḥā*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman & Mohd Akil Muhamed Ali. 2014. Qur’anic brevity and verbosity: what and how? *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5(20): 1939–45.
- Mohammad Akbar. 2017. Makna Tersirat dalam al-Quran al-Karim. Kertas kerja dibentangkan di *International Conference on Islamic Studies (ICIS)*, anjuran Inna Garuda, 22 Februari, Yogjakarta.
- Muhamad Mujahidin Rosli & Md. Nor Abdullah. 2014. al-Ijaz, al-It nab dan al-Musawah dalam Hadith 40. Dlm. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam*, Editor Maheram Ahmad, Muhammad Adib Samsudin & Latifah Abdul Majid. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Murtisari, Elisabet Titik. 2013. A Relevance-based framework for explicitation and implicitation in translation. *Trans-Kom* 6(2): 315–44.
- Nida, Eugene A. 1964. Towards a Science of Translating. Leiden: Brill.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan. Edisi ke-5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, Abdul Hamid Mahmood, Muhammed Salehudin Aman & Abdul Ghalib Yunus. 2016. *Tatabahasa Dewan: Sintaksis Edisi Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedro, Raquel De. 1999. The translatability of texts: a historical overview. *Meta: Journal Des Traducteurs* 44(4): 546.
- Raoufkazemi, Fatemeh, Majid Khorsand, Moussa Pourya & Amin Amirdabbaghian. 2020. Expertise and explicitation in English translations of the holy Quran. *3L: Language, Linguistics, Literature* 26(3): 154–69.
- Roslan Ab Rahman, Md Nor Abdullah, Abdul Wahid Salleh, and Abdulsoma Thoarlim. 2017. Kepentingan balaghah al-it nab dalam al-Qur'an. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 2017(15): 20–39.
- Saldanha, Gabriela, and Sharon O’Brien. 2014. *Research Methodologies in Translation Studies*. New York: Routledge Tylor & Francis Group.
- al-Sayyid al-Husaini, al-Sayyid Ja’far. 2007. *Asalīb al-Ma’āni Fi al-Qur’ān al-Karīm*. Iran: Muassasah Bustan.
- Séguinot, C. (1988). Pragmatics and the explicitation hypothesis. *TTR : Traduction, Terminologie, Rédaction*, 1(2), 106–113.
- Sharifabad, Ebrahim Davoudi. 2015. Addition as a Translation Adjustment Technique in the Selected English Translations of Implicit Direct Object Ellipsis in the Holy Qur’ān. Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

- Suzani, S. M. (2023). Explicitation in the English translation of the first 13 surahs of part (juz) 30 of the holy Qur'ān. *International Journal of Textual and Translation Analysis in Islamic Studies*, 1(1), 1–22.
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. 1958. *Stylistique Comparée Du Français et de L'Anglais*. Paris: Marcel Didier.
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. 1995. *Comparative Stylistics of French and English: A Methodology for Translation*. Amsterdam: J. Benjamins Pub. Co.
- al-Zamakhsyari, Qasim Jārullah Mahmud Ibn ‘Umar. 2009. *al-Kasyyāf ‘an Haqāiq al-Tanzīl Wa ‘Uyūn al-Aqāwīl Fi Wujūh al-Ta’Wīl*. Cet. ke-3. Beirut: Dar al-Ma’rifah.